

# **PANDUAN PARA LULUSAN KE MAJLIS KONVOKESYEN KE-19**

## **POLITEKNIK PORT DICKSON**

### **1. BAYARAN MENGHADIRI MAJLIS KONVOKESYEN KE-19 PPD**

- Bayaran bagi menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-19 PPD adalah sebanyak RM 150.00
- Kaedah pembayaran adalah secara 'on-line' yang dimasukkan terus ke akaun :

#### **'KOPERASI POLITEKNIK PORT DICKSON BERHAD'**

**( No. Akaun : 0508- 0010249- 058 )**

di mana-mana cawangan Commerce International Merchant Bankers (CIMB) sahaja.

Gunakan slip Simpanan Wang Tunai/Cash Deposit yang boleh didapati dari bank CIMB.

### **2. Lulusan yang **bersetuju** untuk menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-19 ini dikehendaki mengikut arahan-arahan berikut:**

- 2.1 Mengembalikan Surat Jawapan Kehadiran iaitu BORANG *US-1*
- 2.2 Menyertakan salinan slip pembayaran ke Bank CIMB (Berjumlah RM 150.00). Sila tuliskan **Nama, No. Kp., Nombor Pendaftaran Pelajar** dan **Jabatan Akademik** di bahagian belakang salinan slip pembayaran bank tersebut.
- 2.3 Menyertakan sekeping sampul surat (22 cm x 11 cm), beralamat sendiri dan berlekatkan setem RM 1.00 bagi tujuan pengeposan maklumat/dokumen tambahan dari pihak urusetia.

Segala maklumat yang dinyatakan pada para 2.1.1, 2.1.2 dan 2.1.3 hendaklah dimasukkan ke sampul surat dan dialamatkan kepada ;

Urusetia  
Majlis Konvokesyen ke 19,  
Politeknik Port Dickson  
Km 14, Jalan Pantai, 71050 Si Rusa, Port Dickson

**Tuan/Puan dikehendaki menulis nombor pendaftaran masing-masing di sebelah kiri sampul surat tersebut.**

- 2.4 Sila kembalikan maklumat yang **sebelum atau pada 24 Mac 2010**. Jawapan yang diterima lewat daripada tarikh tersebut tidak akan dilayan dan lulusan berkenaan dianggap sebagai tidak hadir.
- 2.5 Mengisi / melengkapkan secara 'on-line' Kajian Pengesanan Graduan Port Dickson. *(Sila rujuk panduan mengisi secara 'on-line' Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi)*
  - 2.5.1 mencetak slip pengesahan pengisian secara 'on-line' Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi
  - 2.5.2 membawa bersama cetakan slip pengesahan tersebut pada hari raptai untuk diserahkan kepada AJK pengagihan jubah konvokesyen.

3. Menghadiri raptai pada waktu yang telah ditetapkan. Penampilan diri hendaklah kemas dan bersopan sebagai seorang lulusan (berpakaian formal). Lulusan yang tidak hadir atau tidak mendaftar semasa hari raptai serta tidak mengikut peraturan seperti yang telah ditetapkan tidak akan dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen. (Sila rujuk 'LAMPIRAN A')

3.1 Cara berpakaian untuk lulusan lelaki adalah seperti berikut :

3.1.1 Memakai pakaian lengkap kebangsaan serba hitam (songkok, seluar, sampung dan kasut kulit berwarna hitam)

ATAU

3.1.2 memakai kemeja lengan panjang berwarna putih beserta dengan tali leher, seluar panjang berwarna hitam dan kasut kulit berwarna hitam.

3.1.3 Rambut hendaklah dalam keadaan kemas dan pendek. Lulusan berambut panjang / berekor / berwarna-warni tidak akan dibenarkan menyertai majlis konvokesyen

3.2 Cara berpakaian untuk lulusan perempuan adalah seperti berikut :

3.2.1 Bagi lulusan perempuan, hendaklah memakai pakaian kebangsaan (baju kurung atau kebaya panjang - bertema warna biru serta berkasut hitam. Bagi yang beragama islam, hendaklah memakai tudung berwarna putih.

**3.2.2 Anda dilarang sama sekali memakai pakaian yang tidak sopan / menjolok mata, jarang, ketat dan yang dikira mendedahkan aurat serta menjejaskan perjalanan majlis.**

Segala rayuan untuk mendapat kelonggaran mengenai perkara di atas tidak akan dilayan.

4. Bayaran menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-19 PPD yang dikenakan pada para lulusan adalah merangkumi bayaran :

- sewaan jubah hari konvokesyen
- VCD Majlis Konvokesyen
- gambar semasa penyampaian sijil / diploma
- folder untuk sijil / diploma

Sehubungan itu para tetamu, ibubapa dan lulusan **tidak dibenarkan** merakam video atau mengambil gambar semasa majlis sedang berlangsung.

5. Jamuan bagi para lulusan dan ibu bapa tidak disediakan. Gerai-gerai makanan ada disediakan dan dibuka untuk jualan sepanjang hari majlis konvokesyen berlangsung.

6. Lulusan yang **tidak dapat** menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-19 ini perlu mengambil beberapa tindakan iaitu :

6.1 mengembalikan Surat Jawapan Kehadiran iaitu BORANG US-2

6.2 menyertakan salinan slip pembayaran **bank CIMB** \*(Berjumlah RM 30.00 (ambil sendiri) / RM 40.00 (pos). Sila tuliskan **Nama, No. Kp., Nombor Pendaftaran Pelajar serta jabatan akademik** di bahagian belakang salinan slip pembayaran bank tersebut.

6.3 menyertakan sampul surat berukuran 32 cm x 23 cm, beralamat sendiri dan berlekatkan setem RM 1.00 (bagi mereka yang ingin sijil / diploma diposkan oleh pihak politeknik)

- 6.4 mengisi / melengkapkan secara 'on-line' Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi. (*Sila rujuk panduan mengisi secara 'on-line' Borang Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi*) dan mencetak slip pengesahan pengisian borang tersebut untuk dikembalikan ke urusetia bersama-sama dengan perkara yang dinyatakan dalam perkara di atas .
7. Sebarang pertanyaan; sila hubungi URUSETIA & PENGURUSAN GRADUAN KONVOKESYEN ke 19.

**Pn Izawati Isa (JPA) : 06 6622008**  
**Cik Nooraini Ismail (JPA) : 06 6622046 / 019 6506411**

**Pn. Noorhayati Ismail / Pn. Nur Rafidah Binti Mohamed (JKA) : 06 6622078 / 2042**  
**Pn Nor Juhaliza Bt Md Nordin / Cik Razimah Bt Abd Rahim (JKE): 06 6627399 / 2083 / 5977**  
**En Zulfaka bin Zainal / Mohd Fakuruddin (JKM) : 06 6627277**  
**Pn K.Devaki / Pn Zuraini Abdul Hadi (JP) : 06 6622045**

Pengerusi JK Induk Majlis Konvekesyen ke 19 : [wanhujjatullah@polipd.edu.my](mailto:wanhujjatullah@polipd.edu.my)

SEKIAN, TERIMA KASIH.

Pengarah,  
Politeknik Port Dickson.

**A. RAPTAI MAJLIS KONVOKESYEN KE-19 POLITEKNIK PORT DICKSON**

**TARIKH : 19 April 2010 (Isnin) – 22 April (Khamis)**

02.00 pm – Ketibaan para lulusan ke kampus PPD

02.15 pm – Pendaftaran lulusan di perkarangan letak kereta (belakang perpustakaan).

02.30 pm – Para lulusan mula bergerak memasuki Dewan Wawasan , Politeknik Port Dickson

03.00 pm – Upacara Penganugerahan Pingat Ketua Jabatan kepada lulusan

03.30 pm – Taklimat majlis .....

- Pergerakan lulusan menaiki pentas
- Perjalanan majlis

04.00 pm – Raptai

04.30 pm – Raptai dijangka selesai

Para lulusan mengambil jubah masing-masing (di blok HEP) dengan mengemukakan cetakan slip pengesahan pengisian secara 'on-line' Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi kepada urusetia ahli jawatankuasa pengagihan jubah konvokesyen ke-19 Politeknik Port Dickson.

**B. MAJLIS KONVOKESYEN KE-19 POLITEKNIK PORT DICKSON**

**Tarikh : 20 April 2010 (Selasa)- 23 April 2010 (Jumaat)**

07.30 pagi – Pendaftaran semula para lulusan di perkarangan Dewan Kuliah

08.00 pagi – Para lulusan berada dalam perbarisan bersiap sedia untuk bergerak masuk ke Dewan Wawasan

08.15 pagi – Ibu bapa dan tetamu lulusan mengambil tempat duduk

08.30 pagi – Para lulusan bergerak masuk ke Dewan Wawasan

09.40 pagi – Tetamu jemputan mengambil tempat di dalam Dewan Wawasan

08.55 pagi – Ketibaan Tetamu Khas (VVIP)

09.00 pagi – Majlis bermula .....